

Hari Amal AIA Touching Lives capai sasaran

AMAL AIA Malaysia bekerjasama dengan 14 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi memperjuangkan pelbagai kepentingan awam sempena Hari Amal AIA Touching Lives di Menara AIA, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Acara itu dianjurkan bertujuan memberi peluang kepada kakitangan AIA meluangkan masa dan tenaga untuk mengumpul dana di samping mempelajari dengan lebih mendalam usaha-usaha NGO terlibat.

Pelbagai aktiviti berlangsung seperti cabutan bertuah, pertandingan hiasan gerai tercantik dan derma darah. Pihak AIA juga berjaya mengumpulkan dana sebanyak RM163.000 sepanjang tiga minggu prajualan berlangsung sebelum acara tersebut.

Pada program itu, AIA Malaysia berbesar hati menyumbang dana tambahan kepada setiap NGO dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM234.000.



SEBAHAGIAN warga kakitangan AIA bergambar selepas program Hari Amal AIA Touching Lives bertempat di Menara AIA, Kuala Lumpur baru-baru ini.